



BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
STUDENT AFFAIRS DIVISION
بهاڤاڤن ڤال احوال ڤلاڤر

TATACARA PENGENDALIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN/KELAB PELAJAR 2026/2027

TATACARA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN/KELAB PELAJAR 2026

- Mesyuarat Agung Tahunan perlu diadakan pada setiap sesi/tahun di mana **Bahagian Hal Ehwat Pelajar** akan menyelaraskan tarikh untuk mengadakan mesyuarat agung kepada semua Persatuan/Kelab.
- Persatuan/Kelab perlu mengemukakan permohonan kepada **Bahagian Hal Ehwat Pelajar** untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan tersebut berdasarkan kaedah yang ditetapkan. Semua borang permohonan tersebut hendaklah dihantar melalui **google form** bermula pada **13 Mei 2026 sehingga 24 Mei 2026.**



PELAKSANAAN AGM

3 JUN 2026 SEHINGGA 13 JUN 2026

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN HENDAKLAH PADA DASARNYA

MENGANDUNGI :

1. Ucapan Pengerusi/Presiden
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas.
3. Pembentangan & Pengesahan Laporan Aktiviti Tahunan Persatuan.
4. Pembentangan & Pengesahan Laporan Kewangan Persatuan.
5. Pemilihan Jawatankuasa Pengurusan/Exco seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 6.0 Perlembagaan Persatuan/Kelab Pelajar.
6. Pindaan Perlembagaan **(JIKA ADA)**.

- Setiausaha Agung Persatuan/Kelab hendaklah mengedarkan notis dalam apa jua kaedah kepada ahli Persatuan/Kelab tidak kurang daripada **SEPULUH (10) HARI** mengenai panggilan mesyuarat agung tersebut.
- Mesyuarat Agung hendaklah dihadiri oleh Penasihat atau Pegawai Penyelaras Persatuan/Kelab sebagai syarat menjalankan mesyuarat Agung. **(SILA JEMPUT PENASIHAT @ PEGAWAI PENYELARAS PERSATUAN/KELAB MELALUI SURAT RASMI)**
- Mesyuarat Agung kali ini hendaklah dilaksanakan **secara fizikal @ secara dalam talian** di mana hak memilih setiap ahli yang layak mengundi tidak dihalang.
- Mesyuarat Agung hendaklah dihadiri oleh sekurang-kurang **2/3 (dua pertiga)** daripada ahli Persatuan/Kelab sebagai syarat memenuhi korum. Hanya **ahli berdaftar Persatuan/Kelab sahaja** dibenarkan menghadiri mesyuarat agung tersebut.

- Keputusan Mesyuarat Agung hendaklah dibuat secara undi terbanyak dengan tidak kurang daripada **2/3 jumlah ahli yang hadir** dan mengundi.
- Pegawai/Staf Bahagian Hal Ehwal Pelajar atau Pegawai Universiti yang dilantik dibenarkan menghadiri mesyuarat tersebut bagi tujuan **pemantauan dan pengawasan** atau menangguhkan/membatalkan Mesyuarat Agung berkenaan sekiranya tidak cukup korum, melanggar peraturan yang berkuatkuasa di universiti, mempunyai unsur-unsur ugutan, rasuah, kekerasan dan pergaduhan semasa mesyuarat dilangsungkan.
- Laporan Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dihantar dalam tempoh **(7) hari bekerja** selepas mesyuarat diadakan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM berdasarkan kaedah yang ditetapkan dengan menghantar **Google Form**.
- Persatuan/Kelab yang gagal mengadakan Mesyuarat Agung dalam tempoh yang ditetapkan, melantik EXCO baru serta tidak mematuhi arahan yang dinyatakan di atas boleh menyebabkan pendaftaran Persatuan/Kelab **dibatalkan atau digantung status pengaktifan**. Lantikan terus ahli EXCO tertinggi hanya boleh dibuat oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar.



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERARTI

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
STUDENT AFFAIRS DIVISION
بهاكین حال احوال فلاجر

DOKUMEN MESYUARAT AGUNG

SEBELUM MESYUARAT AGUNG DIJALANKAN

SEMASA MESYUARAT AGUNG DIJALANKAN

SELEPAS MESYUARAT AGUNG/LAPORAN

**SEBELUM
MESYUARAT
AGUNG
DIJALANKAN**



1. Borang Permohonan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan/Kelab 2026
- Borang 1
2. Senarai Ahli Terkini & Pengurusan Tertinggi (sehingga sesi 2025/2026) -
BERTAIP (Mengandungi nama, no matrik, program, alamat semasa
terkini dan no telefon bimbit yang boleh dihubungi) - **Borang 2 &
Borang 4**
3. Perlembagaan Persatuan yang dikemaskini – **BERTAIP**
4. **Borang-borang tersebut hendaklah di muat naik ke dalam *Google
Form.***

SEMASA MESYUARAT AGUNG DIJALANKAN

1. Senarai Kehadiran Ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan - **Borang 3 - BERTAIP** dan tandatangan ahli yang hadir menggunakan **eSign** atau menggunakan kaedah **secara maya** yang boleh **membuktikan kehadiran ahli** ke Mesyuarat Agung Tahunan tersebut sekiranya mesyuarat dilaksanakan secara dalam talian.
2. Senarai Kehadiran Ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan - **Borang 3 – BERTULIS TANGAN** **manakala** tandatangan ahli yang hadir hendaklah tandatangan secara fizikal yang boleh **membuktikan kehadiran ahli** ke Mesyuarat Agung Tahunan tersebut sekiranya mesyuarat di laksanakan secara bersemuka atau fizikal.

SELEPAS MESYUARAT AGUNG DIJALANKAN

Laporan Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut :

1. Minit Mesyuarat Agung Tahunan Terkini
2. Senarai Kehadiran Ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan Terkini
3. Borang 5 - Cadangan Penasihat (Jika Perlu)
4. Borang 6 - Cadangan Jurulatih (Jika Perlu)
5. Borang 7 - Senarai Maklumat AJK Pengurusan Terkini.
6. Borang Maklumat Presiden & Setiausaha Terkini.
7. Pembentangan & Pengesahan **Laporan Aktiviti Tahunan Persatuan.**
8. Pembentangan & Pengesahan **Laporan Kewangan Persatuan.**
9. Perlembagaan Persatuan/Kelab - BERTAIP (sekiranya terdapat pindaan)



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERAKTI


PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
STUDENT AFFAIRS DIVISION
بهاگین حال احوال فلاجر

- Presiden dan Setiausaha Agung (**Lantikan Lama**) hendaklah bertanggungjawab dan memastikan Laporan dan Dokumen/Borang Mesyuarat Agung Persatuan/Kelab yang dihantar ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar adalah mengikut format ditetapkan, lengkap dan betul.
- Sila isi dan hantar Google Form yang akan disediakan.
- Borang-borang beserta tatacara pelaksanaan AGM persatuan/kelab sesi 2026/2027 boleh didapati melalui laman web BHEP.
- Sila muat naik softcopy borang-borang bertaip; **Borang 1, Borang 2, Borang 4 dan Perlembagaan Persatuan/Kelab** yang telah diisi lengkap di Google Form yang disediakan bagi tujuan **PERMOHONAN KELULUSAN MENGADAKAN AGM.**
- Tarikh tutup permohonan adalah pada : **24 Mei 2026 sebelum jam 11.59 MALAM.**



Isu Pelaksanaan AGM



Jadual Pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan 2026/2027



Sebarang Pertanyaan Boleh Menghubungi Urusetia
Penyelaras Mesyuarat AGM Persatuan/Kelab BHEP :

Encik Ubaidullah Mohamad Badri

Penyelaras Unit Kesohoran Global dan
Pemeriksaan Persatuan dan Kelab
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Tel : 03-9769 6079

Email : ubaidullah@upm.edu.my

SEKIAN

TERIMA KASIH

